

15 AUG 2004

Polis-Pulih

KOPERAL AMRAN AKAN JALANI PEMBEDAHAN KEDUA JIKA PERLU

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Koperal Amran Abdul Aziz, 32, yang cedera di pipi kanan akibat ditembak penjenayah dalam kejadian rompakan kedai emas di sebuah pusat membeli belah di Seri Petaling, Jumaat lepas, akan menjalani pembedahan kedua sekiranya masih terdapat serpihan peluru didagunya.

Pakar Klinikal Pembedahan Mulut dan Maksilofasial Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Dr Roszalina Abd Rahman berkata, sama ada pembedahan itu perlu dilakukan atau tidak, akan bergantung kepada hasil ujian 'x-ray' yang akan dilakukan esok.

"Semuanya bergantung pada ujian itu. Kalau perlu kita akan menjalankan pembedahan kedua untuk membuang serpihan peluru itu, mungkin dalam dua minggu lagi. Pembedahan kecil itu mungkin juga tidak perlu dilakukan jika tidak melibatkan struktur dalaman yang penting."

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas memberikan talimat tentang keadaan terkini Amran kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed.

Dr Mahathir tiba di HUKM pada kira-kira pukul 6.20 petang tadi dengan ditemani oleh isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, meluangkan masa kira-kira 20 minit untuk melawat Amran.

Dr Roszalina berkata, dalam pembedahan semalam, tiga doktor pakar yang diketuai oleh Profesor Ghazali Mat Nor mengambil masa tiga jam bermula pukul 5.30 petang untuk mengeluarkan peluru serta memperbaiki tisu lembut di bahagian langit.

"Buat masa sekarang, dia berada dalam keadaan stabil dan sudah boleh bercakap serta boleh minum. Dia mungkin boleh pulih sepenuhnya antara empat hingga enam bulan bergantung kepada keadaan. Dia mungkin mengalami keadaan kebas di bahagian lidah dalam jangka masa itu," katanya.

Difahamkan, selain mengalami kecederaan di bahagian langit keras dan lembut, Amran juga patah dua batang gigi geraham bahagian atas kanan akibat tembakan dalam kejadian itu.

Sementara itu, Dr Mahathir yang ditemui pemberita berkata beliau yakin dengan keupayaan dan kecekapan polis mampu untuk menangani masalah jenayah yang berlaku di negara ini.

-- BERNAMA

NSM YBK PR